

Ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran,
Enche' Hussein Onn di-upachara merasmikan
Pembukaan Kejohanan Mini Bola Keranjang
Sekolah2 Antara Negeri di-Stadium Chin Woo,
Kuala Lumpur pada 17.11.70 jam 9.00 pagi.

(Ucapan ini di-bachakan oleh KPP Sel, Enche Yap Hong Kwan)

Pendidekan jasmani dan sukan mempunyai satu peranan yang penting dalam pendidekan 'am sa-saorang kanak2. Ada-lah menjadi tujuan Kementerian Pelajaran untok menentukan supaya semua murid2 di-beri kemudahan2 serta peluang2 yang sechukup-nya di-peringkat sekolah rendah dan juga menengah.

Kami sedar akan kemajuan yang pesat yang telah di-chapai dalam lapangan sukan dan Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah2 melalui Maktab2 Latehan Guru dan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah2 Negeri untok mengadakan

- 2 -

kursus2 melateh dan latehan2 bagi guru2 dengan tujuan untok mengeluarkan pakar2 dalam pelbagai chawangan sukan untok berkhidmat di-peringkat2 sekolah, negeri dan kebangsaan. Kami yakin bahawa guru2 yang berpeluang mengikuti kursus2 sa-umpama itu akan menolong mengujudkan satu darjah perchapaian yang lebeh tinggi dalam kemahiran dan pelakuan di-kalangan murid2.

Lebeh banyak lagi Pertandingan2 Sekolah Antara Negeri akan di-adakan pada tahun hadapan bagi sekolah2 rendah dan kenaikan bilangan peserta2 akan memberi galakan kapada murid2 sekolah rendah untok menchapai kejayaan yang lebeh tinggi lagi.

Bagi pihak Kementerian Pelajaran, Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Bola Keranjang Amacher Malaysia kerana telah bermurah hati mendermakan 5,000 naskah Buku2 Peratoran Bola Keranjang Mini dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan China untuk di-bahagi2kan kepada semua sekolah2 rendah dan menengah rendah dan atas usaha2 yang telah mereka jalankan untuk menganjorkan permainan ini di-sekolah2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Pertubohan2 Sukan Kebangsaan yang lain yang telah memberi bantuan dan sokongan dengan chara apa sekali pun kepada Majlis Sukan Sekolah2 Negeri dan juga Kebangsaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia kerana melancharkan Kejohanan Mini Bola keranjang Sekolah2 Antara Negeri yang pertama pada tahun ini dan Majlis Sukan Sekolah2 Selangor kerana mengelolakan Pusingan2 Akhir Kejohanan itu.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada pasukan2 yang berjaya memasoki Pusingan Akhir Kejohanan itu atas kejayaan mereka dalam kejohanan2 kawasan masing2. Saya yakin bahawa pertandingan2 yang akan di-jalankan dalam beberapa hari ini akan di-jalankan dengan semangat kesukanan yang tulin.

Sekarang dengan seberapa sukachita-nya saya rasmikan pembukaan Kejohanan Mini Bola keranjang Sekolah2 Antara Negeri MSSM 1970.



No. Siri	1
No. Penerimaan	1/80